



## MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA

### ANUGERAH PERSURATAN 2011

#### Pengumuman Media

#### Anugerah Persuratan

1. Majlis Bahasa Melayu Singapura akan menganjurkan Anugerah Persuratan 2011 (AP2011). Anugerah Persuratan merupakan usaha berterusan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dalam mengiktiraf para penulis yang bergiat dalam seni persuratan. Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menganjurkan Anugerah Persuratan sejak tahun 1993 dan ia merupakan acara dwitahunan. Pada tahun ini, Anugerah Persuratan diadakan juga sebagai menutup tirai bagi Bulan Bahasa 2011.

#### Objektif Anugerah Persuratan

2. Anugerah Persuratan dilaksanakan dengan objektif yang berikut:
  - i. Memberi pengiktirafan kepada para penulis yang telah menghasilkan karya yang bermutu dan bernilai;
  - ii. Meningkatkan dan memupuk perkembangan penulisan dalam kalangan penulis berbahasa Melayu;
  - iii. Menggalakkan penerbitan karya yang bermutu; dan
  - iv. Memasyarakatkan bidang persuratan.

#### Majlis Anugerah Persuratan 2011

3. Majlis AP2011 akan diadakan pada bulan Julai, iaitu:

**Tarikh :** Sabtu, 30hb Julai 2011

**Tempat :** Hotel Shangri-La

**Masa :** 3.00 petang

**Tetamu Terhormat:** Dr Yaacob Ibrahim  
Menteri,  
Kementerian Penerangan, Perhubungan & Kesenian (MICA)  
merangkap Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal  
Masyarakat Islam

## **Jawatankuasa Penganjur Anugerah Persuratan 2011**

4. Jawatankuasa Penganjur Anugerah Persuratan 2011 dipengerusikan oleh Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamed, Menteri Negara, Kementerian Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar Negara. Senarai penuh Jawatankuasa AP2011 terdapat dalam **Lampiran A**.

### **Anugerah-anugerah yang akan diberikan**

5. Dalam Majlis AP2011 tersebut, 4 jenis hadiah/anugerah akan disampaikan, iaitu:
- 5.1 Hadiah Persuratan
  - 5.2 Anugerah Tun Seri Lanang
  - 5.3 Anugerah Harapan
  - 5.4 Anugerah Khas

#### **5.1.1 Hadiah Persuratan**

<b>Bidang</b>	<b>Bentuk Eceran</b>	<b>Bentuk Buku</b>
Sajak	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
Cerpen	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
Drama	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
Esei /kritikan sastera	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
Esei/kritikan nonsastera	3 hadiah (@\$1000)	1 hadiah (\$3,000)
novel	-	1 hadiah (\$3,000)
Kajian sastera	-	1 hadiah (\$3,000)
Kajian nonsastera	-	1 hadiah (\$3,000)

#### **5.1.2 Kriteria bagi kategori-kategori AP2011 terdapat dalam **Lampiran B**.**